

Rang Undang-Undang berikut yang akan dikemukakan kepada Dewan Undangan adalah diterbitkan untuk makluman umum.



NEGERI SABAH

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Biodiversiti Sabah 2000.

DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Badan Perundangan Negeri Sabah seperti berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Enakmen ini boleh dinamakan Enakmen Biodiversiti Sabah (Pindaan) 2023.

(2) Enakmen ini mula berkuat kuasa pada 1 September 2023.

LAB 9 TAHUN 2023

Penggantian tajuk panjang

2. Enakmen Biodiversiti Sabah 2000 [*No. 7 tahun 2000*], yang disebut “Enakmen ibu” dalam Enakmen ini, dipinda dengan menggantikan tajuk panjang dengan tajuk panjang yang berikut:

“Suatu Enakmen untuk menubuhkan Majlis Biodiversiti Sabah dan Pusat Biodiversiti Sabah bagi maksud pemuliharaan dan penggunaan lestari, dan pengurusan akses kepada sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi dan perkongsian faedah yang terhasil daripada penggunaannya dan bagi perkara yang berkaitan dengannya.”.

Pindaan am

3. Enakmen ibu dipinda —

- (a) dengan menggantikan perkataan “sumber biologi atau pengetahuan yang berkaitan”, “sumber-sumber biologi atau pengetahuan yang berkaitan” dan “sumber-sumber biologi atau pengetahuan berkaitan” di mana-mana juga terdapat dengan perkataan “sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi”;
- (b) dengan menggantikan perkataan “pengetahuan yang berkaitan” di mana-mana juga terdapat dengan perkataan “pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi”;
- (c) dengan menggantikan perkataan “Majlis” di mana-mana juga terdapat dalam seksyen 9, 10, 15, 18, 20, 22, 24A, 24B, 25, 26 dan dalam perenggan 37(1)(j) dengan perkataan “Pengarah”;
- (d) kecuali dalam perenggan 3(2)(a) dan (c) dan seksyen 34, dengan menggantikan perkataan “Setiausaha” atau “setiausaha” di mana-mana juga terdapat dengan perkataan “Pengarah”;

-
- (e) dengan menggantikan perkataan “Kerajaan Negeri” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Kerajaan”; dan
 - (f) dalam teks bahasa Kebangsaan —
 - (i) dengan menggantikan perkataan “ahli” atau “ahli-ahli” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “anggota”;
 - (ii) dengan menggantikan perkataan “berterusan” di mana-mana jua terdapat dalam seksyen 3A dan 9 dengan perkataan “lestari”; dan
 - (iii) dengan menggantikan perkataan “Tabung” dan “tabung” dengan perkataan “Kumpulan Wang” dan “kumpulan wang” masing-masing.

Pindaan seksyen 2

4. Seksyen 2 Enakmen ibu dipinda —

- (a) dalam takrif “akses”, dengan menggantikan perkataan “2A” dengan perkataan “14A”;
- (b) dengan memasukkan selepas takrif “bioteknologi” takrif yang berikut:

“eksport” ertinya membawa atau menyebabkan dibawa keluar dari Sabah apa-apa sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi melalui darat, laut, udara atau melalui apa-apa cara yang lain, mengikut mana-mana yang berkenaan, atau meletakkan apa-apa sumber biologi dalam suatu vesel, baj, pengangkut atau pesawat udara bagi maksud sumber biologi itu dibawa keluar dari Sabah melalui darat, laut atau udara;’;

- (c) dalam takrif “lesen akses” —
 - (i) dengan menggantikan perkataan “Majlis” dengan perkataan “Pengarah”; dan
 - (ii) dalam teks bahasa Kebangsaan, dengan memasukkan selepas perkataan “untuk” perkataan “mengakses”;
- (d) dengan memasukkan selepas takrif “pemberi sumber” takrif yang berikut:

“Pengarah” ertinya Pengarah Pusat Biodiversiti Sabah; ;
- (e) dengan memotong takrif “pengetahuan yang berkaitan”; dan
- (f) dengan memotong takrif “Setiausaha”.

Pemotongan seksyen 2A

5. Enakmen ibu dipinda dengan memotong seksyen 2A.

Pindaan seksyen 3

6. Seksyen 3 Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

“(3) Pengarah hendaklah menjadi Setiausaha kepada Majlis.”

Pindaan seksyen 3A

7. Seksyen 3A Enakmen ibu dipinda —

- (a) dengan memasukkan selepas perenggan (a) perenggan yang berikut:

-
- “(aa) untuk menasihati Kerajaan mengenai perkara yang berhubungan dengan pengurusan sumber biologi dan pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi mengikut kehendak antarabangsa;”;
- (b) dalam perenggan (b) —
- (i) dalam teks bahasa Inggeris, dengan memasukkan selepas perkataan “to advise” perkataan “the Government”; dan
 - (ii) dalam teks bahasa Kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “memberi nasihat” dengan perkataan “menasihati Kerajaan”;
- (c) dengan memotong perenggan (d), (e), (j), (k), (l), (m) dan (n); dan
- (d) dengan memotong subseksyen (2).

Pindaan seksyen 5

8. Seksyen 5 Enakmen ibu dipinda dalam nota birai, dalam teks bahasa Kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “keahlian” dengan perkataan “keanggotaan”.

Seksyen baharu 7A, 7B, 7C dan 7D

9. Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 7 seksyen yang berikut:

“Majlis boleh menubuahkan jawatankuasa

7A. (1) Majlis boleh menubuahkan apa-apa jawatankuasa yang difikirkannya perlu atau suai manfaat untuk membantu Majlis dalam melaksanakan fungsinya atau menjalankan kuasanya.

- (2) Anggota jawatankuasa boleh dilantik daripada kalangan anggota Majlis atau mana-mana orang lain yang difikirkan layak oleh Majlis.
- (3) Majlis hendaklah melantik pengerusi jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen ini.
- (4) Seseorang anggota jawatankuasa hendaklah memegang jawatan selama apa-apa tempoh yang dinyatakan oleh Majlis dalam surat pelantikannya dan adalah layak untuk dilantik semula.
- (5) Majlis boleh, pada bila-bila masa, membatalkan pelantikan mana-mana anggota sesuatu jawatankuasa yang bukan anggota Majlis.
- (6) Seseorang anggota jawatankuasa yang bukan anggota Majlis boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatan dengan memberikan notis secara bertulis kepada pengerusi jawatankuasa.
- (7) Jawatankuasa hendaklah tertakluk kepada dan bertindak mengikut apa-apa arahan yang diberikan oleh Majlis.
- (8) Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat seberapa kerap yang perlu pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat yang ditentukan oleh pengerusi jawatankuasa itu.
- (9) Jawatankuasa boleh menentukan tatacaranya sendiri.
- (10) Jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang lain untuk menghadiri mana-mana mesyuarat jawatankuasa bagi maksud menasihati jawatankuasa tentang apa-apa perkara yang dibincangkan, tetapi orang itu tidak berhak untuk mengundi pada mesyuarat itu.
- (11) Anggota jawatankuasa atau mana-mana orang yang diundang di bawah subseksyen (10) untuk menghadiri mana-

mana mesyuarat jawatankuasa boleh dibayar apa-apa elaun yang ditentukan oleh Majlis.

(12) Jawatankuasa hendaklah menyebabkan supaya minit semua mesyuaratnya disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya, dan salinan minit itu hendaklah dikemukakan oleh jawatankuasa kepada Majlis secepat yang dapat dilaksanakan.

Penzahiran kepentingan

7B. (1) Mana-mana anggota Majlis atau jawatankuasa yang mempunyai secara langsung atau tidak langsung apa-apa kepentingan berhubung dengan apa-apa perkara yang dibincangkan oleh Majlis atau jawatankuasa hendaklah menzahirkan kepada Majlis atau jawatankuasa, mengikut mana-mana yang berkenaan, hakikat kepentingannya dan jenis kepentingannya itu.

(2) Penzahiran kepentingan di bawah subseksyen (1) hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat Majlis atau jawatankuasa, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Selepas penzahiran di bawah subseksyen (1), anggota itu —

(a) tidak boleh mengambil bahagian atau hadir dalam mana-mana perbincangan atau keputusan Majlis atau jawatankuasa itu; dan

(b) tidak boleh dikira bagi maksud membentuk kuorum mesyuarat Majlis atau jawatankuasa,

berhubungan dengan perkara itu.

(4) Anggota Majlis atau jawatankuasa yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau

dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(5) Tiada tindakan atau prosiding Majlis atau jawatankuasa boleh ditidaksahkan atas alasan bahawa mana-mana anggota Majlis atau jawatankuasa telah melanggar seksyen ini.

Majlis boleh melantik penasihat

7C. Majlis boleh melantik mana-mana orang yang mempunyai pengalaman, kepakaran dan pengetahuan yang dikehendaki dalam sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi, sebagai penasihat atau konsultan kepada Majlis, dan boleh menubuhkan Panel Penasihat atau Konsultan untuk menasihati Majlis tentang pelaksanaan fungsinya atau penjalanan kuasanya.

Pewakilan kuasa Majlis

7D. (1) Majlis boleh, secara bertulis, mewakilkan mana-mana fungsi atau kuasanya tertakluk kepada apa-apa syarat, had atau sekatan yang difikirkannya patut, kepada Pengerusi Majlis, Pengarah atau mana-mana jawatankuasa, dan orang atau jawatankuasa yang kepadanya fungsi atau kuasa diwakilkan hendaklah melaksanakan fungsi atau kuasa itu sama cara dan dengan kesan yang sama seolah-olah fungsi atau kuasa itu diberikan kepadanya di bawah Enakmen ini.

(2) Seseorang yang dikatakan bertindak menurut pewakilan yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah, jika tiada bukti yang berlawanan, dianggap bertindak mengikut terma pewakilan.

(3) Pewakilan yang dibuat di bawah seksyen ini boleh pada bila-bila masa dibatalkan oleh Majlis.

(4) Pewakilan yang dibuat di bawah seksyen ini tidak menghalang Majlis sendiri daripada menjalankan pada bila-bila masa fungsi atau kuasa yang diwakilkan.”

Bahagian baharu IIA

10. Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan sebelum seksyen 9 Bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN IIA

FUNGSI DAN KUASA PENGARAH DAN PENUBUHAN PUSAT BIODIVERSITI SABAH

Pengarah

8A. (1) Maka hendaklah terdapat seorang Pengarah Pusat Biodiversiti Sabah daripada kalangan anggota perkhidmatan awam Negeri.

(2) Maka hendaklah terdapat apa-apa bilangan pegawai, daripada kalangan anggota perkhidmatan awam Negeri, yang perlu atau suai manfaat untuk membantu Pengarah dalam melaksanakan fungsinya atau menjalankan kuasanya di bawah Enakmen ini.

(3) Seseorang yang dilantik di bawah subseksyen (2) hendaklah tertakluk kepada arahan, kawalan dan pengawasan Pengarah.

Fungsi dan kuasa Pengarah

8B. Pengarah hendaklah mempunyai fungsi dan kuasa yang berikut:

(a) untuk mengurus Pusat Biodiversiti;

- (b) untuk mengurus semua permohonan bagi akses kepada sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi dan perkongsian faedah yang terhasil daripada penggunaan sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi;
- (c) untuk meluluskan, selepas berunding dengan Majlis, dan mengeluarkan lesen akses dan lesen eksport;
- (d) untuk menyenggara suatu rekod bagi semua permohonan akses dan keputusan yang berhubungan dengan permohonan itu, termasuk lesen yang dikeluarkan;
- (e) untuk mengawal selia akses kepada sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi Negeri termasuklah pengalihan mana-mana biodiversiti dari Negeri;
- (f) untuk mengenal pasti kepentingan penyelidikan biodiversiti bagi meningkatkan usaha, pemuliharaan dan penggunaan lestari biodiversiti dan sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi termasuk etnobotani, taksonomi dan penggunaan tradisional;
- (g) untuk menyelaras aktiviti tempatan, negeri dan kebangsaan berhubungan dengan pemuliharaan, penyelidikan dan penggunaan lestari sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi dan biodiversiti;
- (h) untuk menyelaras penyediaan aktiviti serantau dan antarabangsa berhubungan dengan pemuliharaan, penyelidikan dan penggunaan lestari sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi dan biodiversiti;

-
- (i) untuk merumus program bagi tinjauan sistematik biodiversiti dan pengumpulan dan analisis data biodiversiti;
 - (j) untuk merancang dan memulakan program bagi penggunaan, pemeliharaan, perlindungan dan pembangunan lestari sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi;
 - (k) untuk mewujudkan atau menyebabkan supaya diwujudkan suatu sistem bagi perlindungan sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi supaya anak negeri dan komuniti tempatan, pada setiap masa dan selama-lamanya, menjadi pencipta, pengguna dan penjaga yang sah bagi pengetahuan itu, dan boleh mendapat faedah secara kolektif daripada penggunaan pengetahuan itu;
 - (l) untuk mewujudkan perhubungan dengan institusi atau badan lain, di dalam atau di luar Negeri, dengan maksud untuk meningkatkan pengurusan, perlindungan, pemeliharaan, penyelidikan dan penggunaan biodiversiti atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi anak negeri dan komuniti tempatan Negeri;
 - (m) untuk mewujudkan kesedaran dan menyediakan latihan, pendidikan dan maklumat yang berhubungan dengan akses dan perkongsian faedah berhubung dengan sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi;
 - (n) untuk menyokong undang-undang adat dan amalan anak negeri dan komuniti tempatan, dan pembangunan protokol dan tatacara komuniti oleh anak negeri dan komuniti tempatan, mengikut mana-mana yang berkenaan;

- (o) secara umum untuk menggalakkan pendidikan dan pengetahuan mengenai biodiversiti Negeri;
- (p) untuk menjalankan semua aktiviti yang pada pendapat Pengarah adalah perlu, berfaedah atau sesuai bagi atau berkaitan dengan pelaksanaan dan penjalanan fungsi dan kuasanya; dan
- (q) untuk melakukan apa-apa perkara yang Pengarah sifatkan sesuai untuk membolehkannya melaksanakan dan menjalankan fungsi dan kuasanya secara berkesan atau yang bersampingan dengan pelaksanaan dan penjalanan fungsi dan kuasanya.

Pewakilan kuasa

8C. (1) Pengarah boleh, secara bertulis, mewakilkan mana-mana fungsi atau kuasanya tertakluk kepada apa-apa syarat, had atau sekatan yang difikirkannya patut, kepada mana-mana pegawai, dan orang yang kepadanya fungsi atau kuasa diwakilkan hendaklah melaksanakan fungsi atau kuasa itu sama cara dan dengan kesan yang sama seolah-olah fungsi atau kuasa itu diberikan kepadanya di bawah Enakmen ini.

(2) Seseorang yang dikatakan bertindak menurut pewakilan yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah, jika tiada bukti yang berlawanan, dianggap bertindak mengikut terma pewakilan.

(3) Pewakilan yang dibuat di bawah seksyen ini boleh pada bila-bila masa dibatalkan oleh Pengarah.

(4) Pewakilan yang dibuat di bawah seksyen ini tidak menghalang Pengarah sendiri daripada menjalankan pada bila-bila masa fungsi atau kuasa yang diwakilkan.”

Pindaan seksyen 9

11. Seksyen 9 Enakmen ibu dipinda —

- (a) dengan menggantikan perkataan “(selepas ini dipanggil “Pusat”) untuk diurus dan diselenggara oleh Majlis” dengan perkataan “yang hendaklah diurus oleh Pengarah”;
- (b) dalam perenggan (l), dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “its” dengan perkataan “his”;
- (c) dengan memotong perenggan (d), (e), (g), (j), (k), (ka), (kb), (kc), (kd) dan (m); dan
- (d) dengan memotong subseksyen (2).

Pindaan seksyen 10

12. Seksyen 10 Enakmen ibu dipinda —

- (a) dalam subseksyen (1), dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “its” dengan perkataan “his”; dan
- (b) dengan memotong subseksyen (2).

Pemotongan seksyen 11, 12 dan 13

13. Enakmen ibu dipinda dengan memotong seksyen 11, 12 dan 13.

Pindaan seksyen 14

14. Seksyen 14 Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) Kumpulan Wang hendaklah ditadbir, dikawal dan disenggarakan oleh Pengarah.”

Penggantian tajuk Bahagian IV

15. Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan tajuk Bahagian IV dengan tajuk yang berikut:

**“AKSES KEPADA SUMBER BIOLOGI ATAU
PENGETAHUAN TRADISI YANG BERKAITAN
DENGAN SUMBER BIOLOGI”.**

Seksyen baharu 14A dan 14B

16. Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan sebelum seksyen 15 seksyen yang berikut:

“Akses kepada sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi

14A. (1) Seseorang dikatakan mempunyai akses kepada sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi jika —

- (a) pengambilan sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi daripada habitat semula jadinya atau tempat yang sumber itu disimpan, tumbuh atau ditemui termasuklah dalam pasaran adalah bagi maksud penyelidikan dan pembangunan;
- (b) terdapat prospek munasabah sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis bahawa sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber

biologi yang diambil oleh orang itu akan tertakluk kepada penyelidikan dan pembangunan; atau

- (c) pengumpulan bahan penghasilan semula sumber biologi bagi pembiakan adalah bagi maksud penyelidikan dan pembangunan.

(2) Akses kepada sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi tidaklah termasuk aktiviti yang berikut:

- (a) menangkap ikan bagi perdagangan, rekreasi atau permainan;
- (b) mengambil haiwan atau tumbuhan untuk makanan;
- (c) mengambil sumber biologi yang telah ditanam atau dijaga bagi apa-apa maksud selain maksud penyelidikan dan pembangunan;
- (d) mengambil hasil semula jadi termasuk minyak dan madu bagi apa-apa maksud selain maksud penyelidikan dan pembangunan;
- (e) mengumpul bahan penghasilan semula tumbuhan untuk pembiakan bagi apa-apa tujuan selain bagi maksud penyelidikan dan pembangunan;
- (f) menjalankan perhutanan komersial;
- (g) berhubung dengan anak negeri dan komuniti tempatan, bagi penggunaan dan pertukaran sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi sesama mereka dalam melaksanakan amalan tradisi dan adat mereka;
- (h) pengambilan sumber biologi atau pengetahuan tradisi

yang berkaitan dengan sumber biologi oleh mana-mana orang yang merupakan —

- (i) organisma diubah suai yang hidup sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Biokeselamatan 2007 [*Akta 678*] yang hak harta intelek telah diberikan dan masih wujud; atau
 - (ii) varieti tumbuhan yang suatu hak pемbiak baka telah diberikan dan masih wujud di bawah Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004 [*Akta 634*]; dan
- (i) akses kepada sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi yang dikecualikan di bawah seksyen 36A.

Sumber biologi yang dilindungi

14B. (1) Tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis lain, tiada seorang pun boleh menyimpan, menjual, membeli, mengeksport atau mengimport apa-apa sumber biologi yang dilindungi yang dinyatakan dalam Jadual.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

(3) Bagi maksud seksyen ini, “sumber biologi yang dilindungi” ertiannya mana-mana sumber biologi yang memenuhi sekurang-kurangnya tiga daripada kriteria yang berikut:

- (a) endemik kepada Sabah;

- (b) jarang atau obligasi geologi;
- (c) terancam;
- (d) mempunyai nilai budaya yang ketara;
- (e) mempunyai kepentingan ekologi;
- (f) mempunyai nilai genetik;
- (g) permintaan yang tinggi; dan
- (h) mempunyai potensi nilai komersial.”

Seksyen baharu 15A

17. Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 15 seksyen yang berikut:

“Syarat-syarat kelulusan lesen akses

15A. (1) Pengarah hendaklah, sebagai syarat bagi kelulusan lesen akses, menghendaki Pengguna untuk —

- (a) mengenal pasti suatu institusi Sabah sebagai rakan usaha tempatan yang akan berusaha sesama dan mengambil bahagian dalam pengumpulan, penyelidikan dan pembangunan dan aktiviti lain berhubung dengan sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi yang berkenaan; dan
- (b) mengenal pasti institusi luar negeri yang akan bertindak sebagai organisasi penaja yang bertanggungjawab kepada tindakan Pengguna berkenaan dengan aktiviti mengakses, jika sesuai.

(2) Kerajaan boleh mengenakan atau menyertakan apa-apa syarat lain kepada kelulusan permohonan sebagaimana yang Kerajaan sifatkan sesuai.”

Pindaan seksyen 17

18. Seksyen 17 Enakmen ibu dipinda —

- (a) dengan menomborkan semula seksyen yang sedia ada sebagai subseksyen (1); dan
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) sebagaimana yang telah dinomborkan semula subseksyen yang berikut:

“(2) Pengarah boleh meminta maklumat atau dokumen tambahan sebagaimana yang disifatkannya perlu.”

Pindaan seksyen 19

19. Seksyen 19 Enakmen ibu dipinda dalam perenggan (b) dengan menggantikan perkataan “Majlis” dengan perkataan “Pengarah, setelah berunding dengan Majlis”.

Pindaan seksyen 20

20. Seksyen 20 Enakmen ibu dipinda dalam teks bahasa Kebangsaan dengan menomborkan semula subseksyen (1), (2) dan (3) sebagai perenggan (a), (b) dan (c) masing-masing.

Penggantian seksyen 21

21. Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 21 dengan seksyen yang berikut:

“Pemberian atau keengganan memberikan lesen

21. (1) Pengarah boleh, setelah berunding dengan Majlis, dan

selepas menimbangkan permohonan bagi lesen akses di bawah seksyen 15 dan apa-apa maklumat atau dokumen tambahan yang diberikan di bawah subseksyen 17(2), memberikan lesen atau enggan memberikan lesen.

(2) Lesen yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) hendaklah dalam borang yang ditetapkan dan hendaklah tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang ditetapkan dalam lesen atau yang ditetapkan oleh Pengarah.

(3) Keputusan Pengarah untuk memberikan lesen atau tidak memberikan lesen hendaklah disampaikan kepada pemohon melalui notis bertulis secepat yang dapat dilaksanakan”.

Seksyen baharu 21A dan 21B

22. Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 21 seksyen yang berikut:

“Larangan terhadap eksport sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi

21A. Tiada eksport bagi maksud penyelidikan apa-apa sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi yang diambil dari tanah berimilik, kawasan pemuliharaan, rizab hutan, kawasan taman, kawasan dilindungi, tanah Kerajaan, kawasan perlindungan air atau kawasan simpanan air, kawasan hidupan liar, sungai, anak sungai, terusan, taman laut, perairan wilayah Negeri atau kawasan lain tanpa suatu lesen yang dikeluarkan oleh Pengarah.

Anggapan tentang eksport

21B. Berhubung dengan eksport, apa-apa sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi

hendaklah disifatkan dibawa keluar atau disebabkan untuk dibawa keluar dari Sabah jika —

- (a) suatu lesen eksport telah dikeluarkan oleh Pengarah;
- (b) sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi itu telah dilepaskan oleh pegawai kastam yang sepatutnya di stesen kastam terakhir dalam laluannya keluar dari Sabah;
- (c) sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi itu telah dimuatkan ke dalam kapal atau pesawat udara yang hampir berlepas dari pelabuhan, jeti atau lapangan terbang di Sabah, mengikut mana-mana yang berkenaan; atau
- (d) sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi itu telah dilepaskan oleh pegawai kastam yang sepatutnya di depoh pelepasan dalam negeri atau di stesen kastam dalam negeri dalam laluannya keluar dari Sabah melalui pelabuhan atau lapangan terbang, mengikut mana-mana yang berkenaan.”

Pemotongan seksyen 23 dan 24

23. Enakmen ibu dipinda dengan memotong seksyen 23 dan 24.

Pindaan seksyen 25

24. Seksyen 25 Enakmen ibu dipinda dalam subseksyen (2) dengan menggantikan perkataan “izinnya” dengan perkataan “kelulusannya”.

Pemotongan seksyen 28

25. Enakmen ibu dipinda dengan memotong seksyen 28.

Seksyen baharu 36B

26. Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 36A seksyen yang berikut:

“Perlindungan terhadap guaman dan prosiding undang-undang

36B. Tiada tindakan atau pendakwaan boleh dibawa, dimulakan atau dikekalkan dalam mana-mana mahkamah terhadap —

- (a) anggota Majlis atau jawatankuasa, Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa dengan sewajarnya di bawah Enakmen ini bagi atau atas sebab atau berkenaan dengan apa-apa perbuatan yang diarahkan atau dilakukan bagi maksud melaksanakan Enakmen ini dan mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini; dan
- (b) mana-mana orang lain bagi apa-apa perbuatan yang dilakukan atau berupa sebagai dilakukan olehnya di bawah perintah, arahan atau suruhan Majlis atau Pengarah di bawah Enakmen ini,

jika perbuatan itu dilakukan dengan suci hati dan dengan kepercayaan yang munasabah bahawa perbuatan itu perlu bagi maksud yang diniatkan untuk dicapai melaluiinya dan bagi melaksanakan peruntukan Enakmen ini.”.

Pindaan seksyen 37

27. Seksyen 37 Enakmen ibu dipinda dalam subseksyen (1) dengan memotong perkataan “, selepas berunding dengan Majlis,”.

Seksyen baharu 38

28. Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 37 seksyen yang berikut:

“Pindaan Jadual”

38. Menteri boleh, selepas berunding dengan Majlis, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, meminda Jadual.”

Jadual

29. Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 38 Jadual yang berikut:

“JADUAL

[Seksyen 14B]

SUMBER BIOLOGI YANG DILINDUNGI

HAIWAN

No.	Keluarga	Nama Saintifik
1.	Carcharhinidae	<i>Carcharhinus leucas</i>
2.		<i>Glyphis glyphis</i>
3.	Dasyatidae	<i>Urogymnus polylepis</i>
4.	Limulidae	<i>Tachypleus tridentatus</i>
5.	Pristidae	<i>Pristis pristis</i>
6.	Papilionidae	<i>Troides andromache</i>

TUMBUHAN

No.	Keluarga	Nama Saintifik
1.	Annonaceae	<i>Goniothalamus kinabaluensis</i>
2.	Aquifoliaceae	<i>Ilex revoluta</i>
3.	Araceae	<i>Alocasia melo</i>
4.		<i>Alocasia reginula</i>
5.	Araliaceae	<i>Heptapleurum beamanii</i>
6.		<i>Heptapleurum chanii</i>
7.		<i>Heptapleurum kinabaluense</i>
8.		<i>Heptapleurum opacum</i>
9.		<i>Heptapleurum peridotiticola</i>
10.		<i>Heptapleurum serpentinicola</i>
11.		<i>Heptapleurum tambuyukonense</i>
12.	Athyriaceae	<i>Athyrium amoenum</i>
13.		<i>Deparia biserialis</i>
14.		<i>Diplazium atrosquamosum</i>
15.	Begoniaceae	<i>Begonia basintaliana</i>
16.		<i>Begonia beryllae</i>
17.		<i>Begonia bintang</i>
18.		<i>Begonia bosuangiana</i>
19.		<i>Begonia burbridgei</i>
20.		<i>Begonia chongii</i>
21.		<i>Begonia crockerensis</i>

22.		<i>Begonia doloisii</i>
23.		<i>Begonia erythrogyna</i>
24.		<i>Begonia flammea</i>
25.		<i>Begonia gelasensis</i>
26.		<i>Begonia gibbsiae</i>
27.		<i>Begonia gusilii</i>
28.		<i>Begonia imbricata</i>
29.		<i>Begonia inobongensis</i>
30.		<i>Begonia inostegia</i>
31.		<i>Begonia jamiliana</i>
32.		<i>Begonia kibambanganensis</i>
33.		<i>Begonia kinabaluensis</i>
34.		<i>Begonia kinahimiae</i>
35.		<i>Begonia kipandiensis</i>
36.		<i>Begonia laniriana</i>
37.		<i>Begonia mamutensis</i>
38.		<i>Begonia mariaensis</i>
39.		<i>Begonia minutiflora</i>
40.		<i>Begonia moneta</i>
41.		<i>Begonia oblongifolia</i>
42.		<i>Begonia paracauliflora</i>
43.		<i>Begonia peridotica</i>
44.		<i>Begonia rambutan</i>
45.		<i>Begonia ramlanii</i>

46.		<i>Begonia renek</i>
47.		<i>Begonia simunii</i>
48.		<i>Begonia tawaensis</i>
49.		<i>Begonia tindan</i>
50.		<i>Begonia tomaniensis</i>
51.		<i>Begonia vaccinoides</i>
52.		<i>Begonia vanderentii</i>
53.	Cyperaceae	<i>Machaerina aspericauis</i>
54.		<i>Oreobolus ambiguus</i>
55.	Dryopteridaceae	<i>Ctenitis minutiloba</i>
56.	Ericaceae	<i>Gaultheria aurea</i>
57.		<i>Gaultheria carrii</i>
58.		<i>Gaultheria caudatifolia</i>
59.		<i>Gaultheria chrysothrix</i>
60.		<i>Gaultheria cinnamomifolia</i>
61.		<i>Gaultheria clementium</i>
62.		<i>Gaultheria ensifolia</i>
63.		<i>Gaultheria kinabaluensis</i>
64.		<i>Gaultheria memecyloides</i>
65.		<i>Gaultheria myrtillus</i>
66.		<i>Gaultheria penduliflora</i>
67.		<i>Gaultheria pseudorufescens</i>
68.		<i>Gaultheria sanguinolenta</i>
69.		<i>Gaultheria sphenophylla</i>

70.		<i>Gaultheria urceolata</i>
71.		<i>Gaultheria sulcinervia</i>
72.	Phyllanthaceae	<i>Actephila alanbakeri</i>
73.	Gleicheniaceae	<i>Dicranopteris clemensiae</i>
74.	Goodeniaceae	<i>Scaevola chani</i>
75.	Lamiaceae	<i>Callicarpa kinabaluensis</i>
76.		<i>Clerodendrum kinabaluense</i>
77.		<i>Petraeovitex kinabaluensis</i>
78.	Lindsaeaceae	<i>Lindsaea jamesonioides</i>
79.		<i>Odontosoria veitchii</i>
80.	Magnoliaceae	<i>Magnolia persuaveolens var. pubescens</i>
81.		<i>Magnolia persuaveolens subsp. rigida</i>
82.		<i>Magnolia persuaveolens</i>
83.	Melastomataceae	<i>Catanthera kinabaluensis</i>
84.		<i>Medinilla kinabaluensis</i>
85.		<i>Sonerila kinabaluensis</i>
86.	Moraceae	<i>Ficus densechini</i>
87.	Myrtaceae	<i>Syzygium penibukanense</i>
88.	Phyllanthaceae	<i>Phyllanthus rufuschaneyi</i>
89.	Pittosporaceae	<i>Pittosporum peridotica</i>
90.	Poaceae	<i>Anthoxanthum horsfieldii</i>
91.		<i>Poa borneensis</i>
92.		<i>Racemobambos gibbsiae</i>



93.		<i>Koeleria spicata</i>
94.	Podocarpaceae	<i>Dacrycarpus kinabaluensis</i>
95.	Polypodiaceae	<i>Oreogrammitis havilandii</i>
96.		<i>Oreogrammitis kinabaluensis</i>
97.	Pteridaceae	<i>Pteris clemensiae</i>
98.	Tectariaceae	<i>Tectaria nitens</i>
99.	Thelypteridaceae	<i>Pneumatopteris microauriculata</i>
100.		<i>Reholttumia micropaleata</i>
101.		<i>Pronephrium peltatum var. tenompokense</i>
102.		<i>Pseudophegopteris kinabaluensis</i>
103.		<i>Sphaerostephanos gymnorachis</i>
104.		<i>Sphaerostephanos lithophyllus</i>
105.		<i>Sphaerostephanos lobangensis</i>
106.		<i>Sphaerostephanos squamatellus</i>
107.	Ranunculaceae	<i>Ranunculus lowii</i>
108.	Rosaceae	<i>Rubus lowii</i>
109.		<i>Rhaphiolepis balgooyi</i>
110.	Rubiaceae	<i>Timonius beamanii</i>
111.		<i>Timonius pannosus</i>
112.		<i>Timonius stenolobus</i>
113.		<i>Timonius tambuyukonensis</i>
114.	Urticaceae	<i>Elatostema lithoneurum</i>
115.		<i>Elatostema maraiparaicense</i>

116.		<i>Elatostema penibukanense</i>
117.		<i>Elatostema rubrostipulatum</i>
118.		<i>Elatostema serpentinicola</i>
119.		<i>Elatostema tenompokense</i>
120.	Violaceae	<i>Rinorea bengalensis</i> ".

Kecualian

- 30.** Semua lesen yang diberikan atau dikeluarkan oleh Majlis sebelum permulaan kuat kuasa Enakmen ini hendaklah terus berkuat kuasa sehingga tamat tempohnya.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Enakmen Biodiversiti Sabah 2000 [*No.7 tahun 2000*] (“Enakmen”).

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan tarikh permulaan kuat kuasa Enakmen yang dicadangkan.
3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda tajuk panjang Enakmen bagi menyatakan secara khusus maksud Enakmen.
4. *Fasal 3* bertujuan untuk menggantikan perkataan “Majlis” dengan perkataan “Pengarah” dalam seksyen 9, 10, 15, 18, 20, 22, 24A, 24B, 25, 26 dan dalam perenggan 37(1)(j) Enakmen dan untuk menggantikan perkataan “Setiausaha” atau “setiausaha” dengan perkataan “Pengarah” dalam Enakmen kecuali dalam perenggan 3(2)(a) dan (c) dan seksyen 34. *Fasal* ini juga bertujuan untuk mengemas kini istilah tertentu dalam teks bahasa Kebangsaan supaya selaras dengan istilah semasa yang digunakan dalam bahasa Kebangsaan.
5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Enakmen untuk memasukkan takrif baharu dan meminda dan memotong takrif bagi istilah tertentu yang digunakan dalam Enakmen.

-
6. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda seksyen 3 Enakmen bagi memperuntukkan bahawa Pengarah hendaklah menjadi Setiausaha kepada Majlis.
 7. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda seksyen 3A Enakmen untuk memberi Majlis kuasa untuk menasihati Kerajaan mengenai perkara yang berhubungan dengan pengurusan sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi mengikut kehendak antarabangsa dan untuk memotong fungsi dan kuasa tertentu Majlis memandangkan fungsi dan kuasa itu telah diberikan kepada Pengarah di bawah seksyen 8B.
 8. *Fasal 9* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 7A, 7B, 7C dan 7D ke dalam Enakmen bagi mengadakan peruntukan yang berhubungan dengan penubuhan jawatankuasa oleh Majlis, penzahiran kepentingan, pelantikan penasihat oleh Majlis dan pewakilan kuasa oleh Majlis.
 9. *Fasal 10* bertujuan untuk memasukkan Bahagian II A dan seksyen baharu 8A, 8B dan 8C ke dalam Enakmen bagi mengadakan peruntukan yang berhubungan dengan pelantikan Pengarah dan pegawai Pusat Biodiversiti Sabah, fungsi dan kuasa Pengarah dan pewakilan kuasanya.
 10. *Fasal 11* bertujuan untuk meminda seksyen 9 Enakmen bagi membolehkan Pusat Biodiversiti diuruskan oleh Pengarah dan untuk memotong fungsi tertentu Pusat Biodiversiti.
 11. *Fasal 13* bertujuan untuk memotong seksyen 11, 12 dan 13 Enakmen kerana hal perkara dalam seksyen ini telah diperuntukkan dalam seksyen 7A, 7C dan 7D.
 12. *Fasal 14* bertujuan untuk meminda seksyen 14 Enakmen bagi memberi Pengarah kuasa untuk mentadbir, mengawal dan menyenggarakan Kumpulan Wang Pusat Biodiversiti.
 13. *Fasal 16* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 14A ke dalam Bahagian IV Enakmen memandangkan perkara ini hendaklah diperkatakan secara khusus dalam Bahagian ini. *Fasal* ini juga bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 14B bagi memperuntukkan larangan untuk menyimpan, menjual, membeli, mengeksport atau mengimport sumber biologi yang dilindungi dan memasukkan takrif sumber biologi yang dilindungi.
 14. *Fasal 17* bertujuan untuk menyusun semula seksyen 23 Enakmen sebagai seksyen 15A kerana seksyen ini memperkatakan tentang syarat kelulusan sesuatu lesen akses sebelum lesen akses itu diberikan.
 15. *Fasal 21* bertujuan untuk menggantikan seksyen 21 Enakmen bagi menambah baik peruntukan pemberian lesen.

16. *Fasal 22* bertujuan untuk memasukkan semula seksyen 28 Enakmen sebagai seksyen 21A kerana hal perkara dalam seksyen ini hendaklah diperkatakan secara khusus dalam Bahagian ini. *Fasal* ini juga bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 21B ke dalam Enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi anggapan tentang eksport.
17. *Fasal 26* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 36B ke dalam Enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi perlindungan terhadap guaman dan prosiding undang-undang.
18. *Fasal 28* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 38 ke dalam Enakmen bagi memberi Menteri kuasa untuk meminda Jadual melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*.
19. *Fasal 29* bertujuan untuk memasukkan Jadual ke dalam Enakmen bagi menyenaraikan spesis sumber biologi yang dilindungi di bawah Enakmen.
20. *Fasal 30* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kecualian bagi semua lesen yang diberikan atau dikeluarkan oleh Majlis sebelum permulaan kuat kuasa Enakmen ini.
21. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan yang kecil atau berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan Negeri dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.